

Vietnam perlu berdialog dengan ASEAN-Mahathir

UM 9 JUL 1985

KUALA LUMPUR 8 Julai - Vietnam perlu berdialog dengan ASEAN dan pihak-pihak yang berkenaan sekiranya perdamaian Kampuchea hendak dicapai, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa satu-satunya penyelesaian bagi masalah Kampuchea bergantung kepada sejauh mana kepentingan - kepentingan utama puak-puak yang terlibat dapat dikembalikan.

"Penyelesaian bagi negara itu juga hendaklah dicapai tanpa menyinggung mana-mana kuasa," katanya ketika merasmikan mesyuarat ke-18 Menteri - Menteri Luar ASEAN di sini.

Beliau berkata, masalah Kampuchea merupakan "cabaran politik yang paling hebat" bagi ASEAN hari ini, seperti juga pada masa-masa lalu.

"Malangnya, tidak ada sambutan bagi inisiatif yang dibawa ASEAN baru-baru ini (perbincangan di antara pihak-pihak yang terlibat menerusi pengantara). Kita mestilah terus bersabar. Pada masa yang sama, kita mestilah terus berusaha mencari jalan menyelesaikan masalah itu," tambah-

nya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa penyelesaian yang hendak dicapai mestilah adil, produktif dan boleh dilaksanakan dalam jangka panjang serta juga jangka pendek.

Untuk mencapai penyelesaian sedemikian, katanya, Malaysia berpendapat bahawa beberapa syarat mestilah dipenuhi.

"Pertama, kesengsaraan rakyat Kampuchea mestilah berakhir dan keselamatan Thailand mestilah dijamin. Ini adalah yang pokok. Kedua, kerajaan yang dipilih oleh rakyat mestilah ditubuhkan dan negara itu akan merdeka dan berdaulat.

"Ini bermakna pada akhirnya tentera tidak boleh lagi bertapak di bumi Kampuchea.

"Selain itu, satu-satunya jaminan kepada penyelesaian yang berjaya bergantung kepada pemeliharaan kepentingan - kepentingan utama kesemua pihak yang terlibat dalam pertelingkahan negara itu, iaitu mewujudkan keadaan di mana semua (pihak) dapat hidup tanpa mana-mana pihak menyingkirkan pihak lain," tambahnya.

Perdana Menteri menegaskan, sesiapa sahaja yang mengabaikan pengajaran se-

jarah hendaklah dikutuk kerana mengulangi (kesilapan).

"Janganlah kita lupakan Genève. Janganlah kita lupa bahawa keamanan, kestabilan dan keselamatan yang tulen adalah proses-proses yang dinamik dan mengambil masa untuk dicapai," tegas beliau.

Kata beliau lagi, ASEAN hendaklah memberi perhatian kepada soal masa depan rantau ini dalam jangka panjang di samping jangka pendek supaya penyelesaian yang dicapai itu benar-benar produktif dengan membawakan keamanan, kestabilan dan keselamatan jangka panjang kepada Asia Tenggara.

"Kita juga hendaklah mencari penyelesaian yang tidak menyinggung mana-mana kuasa. Kita harus mencari penyelesaian politik yang akan menjadi asas kepada peraturan keamanan di Asia Tenggara.

"Penyelesaian itu hendaklah juga memelihara prinsip penghormatan di antara sebuah negara dengan negara lain dan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara, dan prinsip penyelesaian secara berdamai, iaitu kesemua pertelingkahan akan diselesaikan secara aman," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa penyelesaian yang dicapai hendaklah dapat membantu mencerahkan lagi prospek pencapaian konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata penyelesaian yang diidam-idamkan itu malangnya belum lagi tercapai.

Dengan itu, beliau berkata, ASEAN masih terus berusaha dan Vietnam mestilah disedarkan bahawa ia perlu berdialog dengan ASEAN dan dengan pihak-pihak lain yang berkenaan supaya perdamaian dapat dicapai bagi Kampuchea.

Menurutnya lagi, masanya juga sudah tiba bagi Vietnam menunjukkan sikap yang membina terhadap pendekatan - pendekatan ASEAN.

Vietnam dilaporkan telah menolak inisiatif ASEAN untuk mengadakan dialog di antaranya dengan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Dalam usaha itu, ASEAN akan menjadi pengantara kepada Vietnam dan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang akan berdialog untuk mencari jalan menyelesaikan masalah Kampuchea.